



## **KENYATAAN MEDIA**

### **JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

---

#### **“JPJ MENDUKUNG HASRAT PERDANA MENTERI MALAYSIA, BERI PERKHIDMATAN TERBAIK”**

**Putrajaya, 17 Ogos 2024** – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia menyambut baik pengumuman YAB Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri berhubung Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-19 (MAPPA XIX) – Perkhidmatan Awam Madani, semalam.

JPJ ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan kerajaan di atas berita baik dalam melaksanakan pelarasan gaji kepada pegawai Kumpulan Pelaksana, pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi perkhidmatan awam terutamanya warga JPJ.

JPJ bertekad dan berlitzam untuk meningkatkan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat terutamanya penyampaian perkhidmatan kaunter di setiap JPJ Negeri dan Cawangan seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri.

Selaras dengan pengumuman tersebut, JPJ akan menambah waktu pengoperasian kaunter JPJ selama satu (1) jam iaitu pada hari Isnin dan Jumaat di JPJ W.P. Kuala Lumpur, JPJ Negeri Selangor dan JPJ Negeri Pulau Pinang serta hari Ahad dan Khamis di JPJ Negeri Johor bagi memudahkan urusan pelanggan. Semua hari tersebut adalah dikategorikan sebagai “hari sesak/sibuk” dengan trend pelanggan yang tinggi. Pertambahan waktu operasi kaunter di JPJ ini akan mula berkuat kuasa pada 19 Ogos 2024 dan akan dilaksanakan secara berperingkat yang seterusnya akan melibatkan JPJ Negeri yang lain.

Pihak JPJ juga akan menubuhkan satu Jawatankuasa Tadbir Urus yang berfokus bagi peningkatan kualiti JPJ terutamanya penyampaian kaunter bagi memantau, melihat dan menambah baik perkhidmatan kerajaan dari semasa ke semasa.

JPJ komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan cekap demi menjamin kesejahteraan dan keselesaan kepada rakyat selaras dengan Aspirasi Malaysia MADANI.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA  
17 OGOS 2024**

**[TAMAT]**